



SYARAT PERMOHONAN

JAWATAN	:	PEREKA
GRED JAWATAN	:	B19 (KONTRAK)
KLASIFIKASI PERKHIDMATAN	:	BAKAT DAN SENI
KUMPULAN PERKHIDMATAN	:	PELAKSANA

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah mempunyai bakat, kebolehan dan daya kreativiti serta memiliki kelayakan seperti berikut:
 - (a) Warganegara Malaysia;
 - (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
 - (c)
 - (i) mempunyai pengalaman yang telah terbukti dan diakui mutunya dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis serta berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta mendapat Kepujian dalam subjek Pendidikan Seni Visual pada peringkat peperiksaan tersebut.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - (iii) Sijil Vokasional Malaysia dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,360.00); atau
 - (iv) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,418.12); atau
 - (v) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred B19: RM1,476.24).

SYARAT TAMBAHAN

2. **Menjadi kelebihan kepada calon sekiranya mempunyai kelayakan/ Kemahiran berikut:**
 - (a) **Mempunyai pengalaman kerja dalam bidang *art /design/ broadcasting***
 - (b) **Berkebolehan dalam seni kreatif, animasi dan visual, reka bentuk grafik, reka bentuk multimedia dan pembangunan laman web.**
 - (c) **Mempunyai pengetahuan dalam penggunaan software seperti:**
 - **Adobe Photoshop**
 - **Adobe Illustrator**
 - **Adobe After Effect**
 - **Adobe Premiere**
 - **Adobe 3D Max atau Cinema4D**



**SYARAT KELAYAKAN
BAHASA MELAYU**

3. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c)(ii), 1(c)(iii), 1(c)(iv), 1(c)(v) dan 1(d)(ii), 1(d)(iii) atau 1(e)(ii) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

SYARAT UJIAN KHAS

4. Calon lantikan adalah dikehendaki lulus Ujian Khas bagi menentukan kesesuaian mutu dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni reka dan/atau seni lukis sebelum lantikan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan.

**PENETAPAN GAJI
PERMULAAN**

5. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

LATIHAN

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

PERGERAKAN GAJI TAHUNAN

7. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.